

24/11/1998

Laman Web Umno akan diperkemas

IPOH, Isnin - Umno akan meningkatkan kemudahan teknologi maklumatnya (IT), termasuk menyediakan fakta yang sebenar bagi menangkis dakwah yang disebarkan pembangkang menjelang pilihan raya umum akan datang.

Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang juga Pengerusi Biro Pendidikan dan IT Umno berkata, pihaknya akan memperkukuhkan laman webnya dengan menambah pelbagai maklumat terbaru mengenai perkembangan semasa negara supaya dapat menarik perhatian orang ramai.

Menurutnya, usaha itu perlu digerakkan kerana penggunaan IT kini semakin meluas, termasuk dalam kempen pilihan raya.

"Kita sudah ada laman web Umno tetapi ini tidak mencukupi dan kita akan memperkukuhkan lagi perkara itu supaya laman web berkenaan lebih menarik.

"Kita juga perlu menambah laman web lain supaya dapat memberi maklumat terkini dan mendapat sambutan orang ramai. Secara keseluruhannya kita sudah bersedia untuk menghadapi apa juga cabaran," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil kepada peserta kursus IT anjuran Biro Pendidikan Umno bahagian Ipoh Barat, di sini, petang ini.

Program itu dilaksanakan dengan kerjasama Malaysian Information Technology Bhd dan Unimaya Sdn Bhd. Hadir sama, Ketua Umno bahagian Ipoh Barat, Datuk Hamzah Zainudin.

Najib yang juga Menteri Pendidikan mengulas mengenai persediaan Umno selaku tulang belakang kerajaan Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi kempen pilihan raya, berikutan parti pembangkang sudah mula menggunakan Internet sebagai saluran berkempen.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam berkata BN tidak menolak kemungkinan menggunakan internet dalam kempen pilihan raya umum akan datang untuk menangkis serangan kotor parti pembangkang melalui media itu.

Najib turut memberi jaminan Umno tidak akan mencemarkan kemudahan internet dengan menyebarkan berita yang kotor dan palsu.

"Kita akan ceritakan perkara yang benar dan tidak menggunakan Internet untuk menyebarkan berita palsu, dusta atau fitnah. Kita jujur dalam hal ini," katanya.

Sementara itu beliau berkata, usaha menyambung rangkaian komputer Umno bahagian seluruh negara dengan ibu pejabat parti dijangka siap menjelang akhir tahun ini.

Menurutnya, apabila sambungan rangkaian itu siap, ia akan memudahkan sistem pentadbiran, keahlian dan penyampaian maklumat mengenai persediaan pilihan raya.

Katanya, biro berkenaan juga sudah mengadakan beberapa siri kursus IT di peringkat Umno bahagian dan negeri bagi mendedahkan ahli parti dengan bidang berkenaan.

Beliau tidak menyatakan peruntukan yang dibelanjakan untuk program IT dan kemudahan komputer itu, tetapi mengakui ia membabitkan beberapa juta ringgit.

Terdahulu ketika berucap, Najib membidas pihak tertentu yang masih mempersoalkan kewajaran kerajaan mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Menurutnya, usaha itu perlu bagi membolehkan Malaysia menerajui revolusi IT agar tidak ketinggalan selain mampu memberikan sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) apabila banyak industri berasaskan IT diwujudkan melalui projek itu.

(END)

